

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL 2/1996

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa dasar pembukaan kilang simen dan marmar di Negeri Kelantan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam persidangannya pada 17hb April 1996 bagaimana Kertas Bilangan 5/147/96/(7).

2. Kelulusan kawasan kilang simen tidak melebihi 5 bulan dan kilang marmar tidak melebihi 10 buah.
3. Syarat-syarat pelupusan tanah dan tempoh yang dikenakan sebagaimana berikut :-

3.1 Pelupusan Tanah dan Tempoh

- 3.1.1 Bentuk pelupusan tanah untuk perusahaan kilang simen dan marmar serta yang berkaitan, sebagaimana berikut :-

- a) Kawasan bagi pengambilan batu batan dilupuskan secara Lesen Pendudukan Sementara (TOL) untuk tempoh tidak melebihi 4 tahun dan pelupusan secara pajakan pada tahun selepasnya untuk jangkamasa tidak melebihi 50 tahun. Walaubagaimanapun kelulusan untuk beri pajakan tertakluk kepada pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri jika ianya berpuashati dengan kedudukan dan perkembangan projek.

b) Kawasan tapak kilang perusahaan dilupuskan secara pajakan untuk tempoh tidak melebihi 50 tahun.

c) Pelupusan tanah untuk kedua-dua kawasan/lot tersebut hendaklah diberi secara berasingan.

3.1.2. Keluasan pengambilan batu batu untuk sesuatu projek perusahaan batu kapur (simen) atau batu marmar atau yang berkaitan dengannya diberi pertimbangan tidak melebihi **100 hektar**. Ini untuk mengelakkan pembaziran sumber disamping memberi galakan kepada syarikat supaya mengenalpasti kawasan yang benar-benar berpotensi untuk dimajukan.

3.1.3 Pihak Syarikat hendaklah memulakan projek selewat-lewatnya 6 bulan dari tarikh tempoh surat tawaran dikeluarkan. Sekiranya pihak syarikat tidak mengambil apa-apa langkah ke arah pelaksanaan projek selewat-lewatnya 6 bulan dari tarikh kelulusan, Kerajaan Negeri berhak untuk membatalkan apa-apa kelulusan yang telah diberi kepada syarikat tersebut, tanpa terikat kepada apa-apa tanggungan.

Jika pihak syarikat gagal untuk menjalankan projek sepenuhnya **3 tahun** dari tarikh surat tawaran tersebut, Kerajaan Negeri berhak membatalkan apa-apa kelulusan yang telah diberikan kepada syarikat tanpa terikat kepada apa-apa bentuk tanggungan.

- 3.1.4 Pihak syarikat bertanggungjawab menyedia dan mengemukakan jadual perlaksanaan projek serta Pelan Tindakan kepada Pihak Berkuasa Negeri/Kerajaan Negeri. Laporan kemajuan projek hendaklah disediakan dan dikemukakan oleh syarikat kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan salinan kepada Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan untuk dilaporkan kepada Pihak Berkuasa Negeri, setiap 6 bulan sekali. (Bermula dari tarikh surat tawaran / atau Laporan Akhir).
- 3.1.5 Syarat Sekatan Kepentingan
- i. Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini tidak boleh dipindahmilik, digadai atau diberi pajak melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

- ii. “Sekatan (i) adalah dikecualikan bagi maksud gadaian tanah ini kepada Bank atau Institusi Kewangan yang disenaraikan didalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu Kelantan 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938 bagi membolehkan tuan tanah mendapat pinjaman sendiri”.
- 3.1.6 Sebarang pertukaran nama syarikat, pertukaran keahlian, perolehan atau pemindahan saham syarikat kepada pemegang saham yang baru, sebelum pertukaran atau pertukaran tersebut dikemukakan kepada Pendaftar Syarikat untuk mendapat kelulusan di bawah Akta Syarikat 1965 hendaklah dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu. Perlanggaran sekatan tersebut dengan sendirinya membatalkan kelulusan tersebut tanpa kes.
4. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 17hb. April 1996.

t.t
(Haji Nik Aznan Shah Bin Dato' Nik Abdullah)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

KEPADA

Y.A.Brs Semua Pentadbir Tanah
Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. Y.A..B Dato' Tuan Guru Menteri Besar, Kelantan.
2. Y.B Timbalan Menteri Besar, Kelantan
(Tuan Haji Abdul Halim bin Abdul Rahman)
3. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan
4. Y.B.M Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. Y.B Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. Y.A.Brs Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. Y.Brs Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan
8. Y.Brs Penolong-Penolong Pengarah, Unit Pengambilan Tanah
Kota Bharu & Machang

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
NEGERI KELANTAN,
BLOK 3, TINGAKAT BAWAH,
KOTA DARUL NAIM,
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL : P.T.G KN. 4485(83)
BERTARIKH : 28 REJAB 1417
09 DISEMBER 1997**

